

JULAI  
2024

Daripada  
Kesemilangan

PKNP

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

# PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | [www.pkn.gov.my](http://www.pkn.gov.my)

## PERTABALAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG KE 17

Kuantan, 20 Julai - Merafak sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim sempena Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-17.



## ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN YANG KE-65 KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG



Kuantan, 30 Julai - Sempena Memuliakan Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke - 65 Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al - Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al - Mustafa Billah Shah Ibni Al - Marhum Sultan Haji Ahmad Shah pada 30 Julai 2024 bersamaan 24 Muharam 1446 Hijrah.

Sembah Takzim daripada Pengerusi, Ahli Perbadanan, Pengurusan serta seluruh anggota pekerja Kumpulan PKNP.

## SETINGGI-TINGGI TAHNIAH KEPADA YAB. DATO' SRI DIRAJA WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Kuantan, 30 Julai - Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada Menteri Besar Pahang, merangkap Pengerusi PKNP, YAB Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail diatas pengurniaan Darjah Kebesaran Sultan Ahmad Shah Pahang Yang Amat Di Mulia, Peringkat Utama Sri Diraja Sultan Ahmad Shah Pahang (SDSA) yang membawa gelaran Dato' Sri Diraja sempena Memuliakan Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-65 Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah yang berlangsung di Balai Mahkota Istana Abdulaziz, Kuantan.

Semoga Pahang Darul Makmur akan terus cemerlang di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja.



Sesi Pengurniaan Darjah Kebesaran Sultan Ahmad Shah Pahang Yang Di Mulia Peringkat Utama Sri Diraja Sultan Ahmad Shah Pahang kepada Pengerusi PKNP

# PKNP METERAI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) DENGAN NEXTGREEN GLOBAL BERHAD DI SIBS 2024



## MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MoU)

TO DEVELOP AND MANAGE A GREEN TECHNOLOGY PARK ON 1.048.159 HECTARES (2,590.00 ACRES) OF GOVERNMENT LAND IN PALOH HINAI, MUKIM LEPAR, PEKAN DISTRICT, PAHANG STATE

BETWEEN  
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG (PKNP)  
AND  
NEXTGREEN GLOBAL BERHAD



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP bersalaman bersama-sama Pengarah Urusan Nextgreen Global Berhad

Kuala Lumpur, 26 Julai - Sebagai suatu usaha untuk merancakkan lagi ekonomi di Negeri Pahang, PKNP telah memeterai Memorandum Persefahaman (MOU) dengan syarikat Nextgreen Global Berhad bagi membangunkan Taman Teknologi Hijau (Green Technology Park) di tapak seluas 1,048.159 hektar (2,590.00 ekar) di Paloh Hinai, Mukim Lepar, Daerah Pekan, Pahang Darul Makmur. Projek Green Technology Park ini men-

sasarkan pelabur - pelabur dari dalam dan luar negara dengan menfokuskan pembangunan teknologi hijau di Negeri Pahang yang akan memanfaatkan penduduk setempat dan Negeri Pahang.

Majlis Menandatangi MOU tersebut telahpun disempurnakan oleh Yang Hormat Dato' Mohd Faizal bin Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, diiringi oleh Encik Mohd Razif bin Abdul Malek, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PKNP sambil disaksikan oleh Yang Hormat Dato' Kamarul'Arifin bin Ahmad @ Abd Rahman, Pegawai Pelaburan Perniagaan Negeri Pahang, dan Yang Berhormat Tuan Ir. Razali bin Kassim, EXCO Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang. Wakil daripada syarikat Nextgreen Global Berhad pula telah dihadiri oleh Encik Onny Iriawan bin Othman, Pengarah Urusan Nextgreen Global Berhad.

Sesi tersebut telah diadakan Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) bersempena Selangor International Business Summit (SIBS) 2024. Turut hadir menyaksikan momen bermakna tersebut ialah pegawai - pegawai Pemantauan Peniagaan, Hal Ehwal Korporat dan Perindustrian.

## YH KETAU PEGAWAI EKSEKUTIF PKNP DIJEMPUT SEBAGAI PANELIS SESI PERBINCANGAN PANEL DI SIBS 2024

Kuala Lumpur, 26 Julai - Bersempena dengan Selangor International Business Summit (SIBS) 2024 yang diadakan di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), East Coast Economic Region Development Council (ECERDC) menganjurkan Sesi Perbincangan Panel dengan tajuk "Seamless Connectivity: ECRL's Role in Optimizing East and West Port Logistics". Sesi perbincangan panel tersebut menampilkan Dato' Ragu Sampasivam, Ketua Pegawai Operasi ECERDC sebagai moderator dan lima orang panelis telah diundang untuk membincangkan berkenaan tajuk tersebut.

Panelis yang terlibat ialah Dato' Hasan Azhari Haji Idris, Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor Berhad, Dato' Mohd Faizal bin Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Dato' Sri Darwis Abdul Razak, Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Rail Link Sdn. Bhd., Dato' Azman Shah Mohd Yusof, Ketua Pegawai Eksekutif Northport (Malaysia) Berhad dan Tuan Mazlim Husin, Ketua Pegawai Komersil Kuantan Port Consortium Sdn. Bhd.

Sesi perbincangan ilmiah tersebut menekankan berkenaan daya tarikan dan potensi yang ada bagi pelaburan sepanjang pembangunan ECRL yang boleh dikembangkan dengan memberikan kemudahan akses kepada pelabur-pelabur. Seterusnya, para panelis turut berkongsi buah fikir dan pendapat masing-masing berkenaan potensi pelaburan yang boleh dikembangkan di Malaysia memandangkan jaringan pengangkutan ECRL ini



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP sedang memberikan input berkenaan peranan penting ECRL dalam menjana pelaburan di Negeri Pahang bakal tersedia dan dijadualkan mula beroperasi penghujung tahun 2026.

Menurut Dato' Mohd Faizal, sebagai salah satu agensi kerajaan di Negeri Pahang yang sentiasa menggalakkan kemasukan pelaburan baharu, Negeri Pahang sentiasa menyokong usaha ECERDC dalam mempromosikan kemudahan laluan rel pantai timur ini yang kini telahpun mencapai lebih 60% perkembangannya. Beliau turut berkongsi berkenaan pembangunan Kawasan Perindustrian Gebeng terkini dan mempromosikan Negeri Pahang secara amnya serta PKNP secara khususnya. Sesi perbincangan panel seperti ini memberikan manfaat yang berguna kepada para pengunjung dan dapat membuka lebih banyak peluang pelaburan kepada pelabur-pelabur dari dalam maupun luar negara.

# PKNP SERTAI SELANGOR INTERNATIONAL BUSINESS SUMMIT (SIB) 2024



YAM Tengku Arif Bendahara Tengku Muhammad Iskandar Ri'ayatuddin Shah turut berkunjung ke booth PKNP

Kuala Lumpur, 25 Julai - Bernaung di bawah Invest Pahang, PKNP turut menyertai Selangor International Business Summit (SIBS) 2024 yang diadakan di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) selama tiga hari. PKNP sebagai One Stop Agency (OSA) dalam sektor perkilangan di Negeri Pahang komited dalam membantu Negeri Pahang untuk menarik lebih ramai pelabur dari dalam dan luar negara. Selain daripada mempromosikan pelaburan di Negeri Pahang, PKNP turut membantu membekalkan maklumat-maklumat berkaitan kepada agensi, individu dan delegasi luar negara yang singgah di reruai PKNP.

Sebagai suatu usaha memudahkan cara, PKNP turut mengadakan beberapa sesi perbincangan dan

mesyuarat yang telah dijadualkan diadakan di ruang mesyuarat reruai Invest Pahang. Sesi seumpama ini dapat membantu pelabur berpotensi untuk berjumpa secara terus dengan wakil dari PKNP untuk mendapatkan maklumat lanjut. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif PKNP dan Encik Mohd Razif bin Abdul Malek, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PKNP turut hadir di SIBS 2024 sebagai sokongan padu kepada usaha mempromosikan pelaburan di Negeri Pahang.

Turut menjadi pempamer di reruai Invest Pahang ialah agensi badan berkanun lain seperti Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pahang (PSK), Lembaga Perumahan & Hartanah Pahang (LPHP) dan Perbadanan Kemajuan Cameron Highland (PKCH). Manakala agensi dan rakan strategik lain yang turut serta ialah East Coast Economic Region Development Council (ECERDC), Antares park Development Sdn. Bhd., Tanjung Agas Industrial Area (TAIA), Tanah Makmur Berhad, Kuantan Port Consortium Sdn. Bhd., Gading Group Berhad, Amat Bayu Sdn. Bhd., Mirfaloh Sdn. Bhd., dan Farm Fresh Berhad. Selain itu, anak syarikat milikan penuh PKNP iaitu PKNP Tenung Pahang Soi Sdn. Bhd. turut menyertai reruai Invest Pahang dan mempromosikan produk Tenun Pahang Diraja kepada para pengunjung.

SIBS 2024 merupakan penyertaan PKNP yang kedua setelah mendapat sambutan yang menggalakkan semasa penyertaan pada SIBS 2023 yang lalu. PKNP akan terus bekerjasama dengan seluruh agensi dan badan kerajaan di negeri Pahang bagi memastikan ekonomi Pahang kekal kukuh dan memberikan pengembangan ekonomi yang positif.

## MAJLIS SERAHAN SUMBANGAN ZAKAT PKNP KEPADA MURID-MURID ASNAF SMKTC

Kuantan, 15 Julai - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah hadir ke Sekolah Menengah Kebangsaan Teluk Chempedak (SMKTC) bagi Sesi Penyerahan Zakat PKNP kepada Murid-Murid Asnaf di sekolah tersebut.

Dalam ucapan aluan yang disampaikan oleh beliau, Ketua Pegawai Eksekutif PKNP telah berpesan kepada anak-anak SMKTC agar menitikberatkan beberapa perkara ke arah mencapai kecermerlangan dalam pendidikan, antaranya adalah tidak meninggalkan solat fardhu, taat kepada ibu bapa serta menghormati guru-guru.

Selain itu, beliau turut mengambil kesempatan memohon supaya guru-guru dan anak-anak di SMKTC untuk mendoakan PKNP agar terus mencatatkan keuntungan pada tahun ini dan akan datang agar dapat berkongsi rezeki dengan lebih ramai golongan-golongan yang memerlukan di Negeri Pahang.

Sesi penyerahan sumbangan zakat PKNP ini melibatkan seramai 100 orang murid asnaf di sekolah tersebut bagi menampung keperluan pembelajaran dan pendidikan mereka.

Penyerahan replika cek telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP kepada Penolong Kanan Pentadbiran merangkap Pemangku Pengetua SMKTC, Puan Noor Hashimah binti Razali@Hasan.



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP menyampaikan replika cek sumbangan kepada Pemangku Pengetua SMK Teluk Chempedak

# SUKAN GEMAPUTERA XVII PULAU PINANG 2024 - PKNP BERJAYA RAIH TEMPAT KETIGA KESELURUHAN



Pasukan Futsal PKNP bergambar kenangan bersama YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar

7 Julai, Pulau Pinang – PKNP berjaya mempamerkan prestasi yang cemerlang setelah berjaya meraih tempat ketiga keseluruhan di belakang Kontingen PKNS yang muncul juara keseluruhan dan tuan rumah PDC selaku naib johan dalam temasya Sukan Gemaputra Edisi Ke-17 yang telah berlangsung di Pulau Pinang baru-baru ini.

Kejayaan Kontingen PKNP disumbang melalui pasukan Futsal yang berjaya menjadi juara setelah menewaskan pasukan SEDC Perlis di perlawanan akhir. Manakala pasukan Bola Jaring PKNP pula mengekalkan tempat kedua setelah tewas tipis dengan pasukan tuan rumah PDC. Pasukan Kerom juga berjaya mendapat ketiga bersama dengan pasukan Perak. Dalam acara boling pula PKNP berjaya mendapat tempat ketiga dalam acara beregu campuran (mixed doubles).

Di samping itu juga, pasukan Golf turut mempamerkan prestasi cemerlang setelah berjaya mendapat ketiga berpasukan dalam acara golf yang turut diadakan sempena penganjuran Sukan Gemaputra. Bagi acara

individu, para pemain PKNP juga turut mendapat tempat dalam kedudukan 20 orang pemain terbaik serta kategori jemputan VIP.

Pada temasya kali ini, PKNP telah menghantar seramai 96 orang peserta termasuk urus setia yang diketuai Encik Mohd Razif bin Abdul Malek, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) selaku Ketua Kontingen (Chief de Mission). Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Dato' Mohd Faizal bin Jaafar turut mewakili PKNP dalam acara golf berpasukan dan individu.

Secara keseluruhan, prestasi pencapaian PKNP pada kali ini adalah lebih baik berbanding dengan pencapaian tempat ketujuh di temasya Sukan Gemaputra Kali Ke-16 yang telah berlangsung di Kuala Terengganu pada 2022 yang lalu. Adalah diharapkan prestasi cemerlang PKNP dapat dikekalkan dan ditingkatkan lagi khususnya dalam temasya sukan yang akan diadakan di Kuching, Sarawak pada tahun 2026 kelak.

Syabas dan Tahniah!!



Barisan pemain bola jaring PKNP

## LAWATAN INDUSTRI SEMPENA KARNIVAL CELIK KEWANGAN PKNP 2024 ANJURAN BANK NEGARA MALAYSIA (BNM)

Kuantan, 5 Julai - Bahagian Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan (PKK) PKNP dengan kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengadakan lawatan industri ke premis perniagaan yang diusahakan oleh usahawan wanita bertempat di Kilang A, Kompleks Makanan Halal Negeri Pahang, Gambang.



Wakil PKNP bergambar bersama-sama wakil Bank Negara Malaysia dan wakil syariah Mil's Malaysia

## PROGRAM JELAJAH HALAL MALAYSIA @ PAYA BESAR



Barisan wakil anggota pekerja PKNP yang terlibat dengan program

Kuantan, 6 Julai - Bahagian Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan (PKK) dan Bahagian Perindustrian PKNP telah menyertai Program Jelajah Halal Malaysia @ Paya Besar dengan kerjasama Halal Development Corporation (HDC) bertempat di Auditorium Tuanku Canselor, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (Unipsas).

## Sidang Redaksi

PENAUNG / PENASIHAT  
Dato' Mohd Faizal bin Jaafar

PENYELARAS PENERBITAN  
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

KETUA EDITOR  
Encik Muhammad Farhan bin Mohd Kamarulzaman

GRAFIK  
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli

JURUFOTO  
Encik Muhammad Amjad bin Mohamad Azhar